

## Reaksi Orang Melayu terhadap Pentadbiran Thailand di Kedah, 1942-1945

### Reaction of The Malays to Thailand Administration in Kedah, 1942-1945

NUR AZRIN MOHAMMED MOHAYADDIN & ADNAN JUSOH

#### ABSTRAK

*Artikel ini bertujuan untuk membincangkan tentang pentadbiran kerajaan Thailand di Kedah. Di samping itu objektif juga untuk melihat reaksi masyarakat orang Melayu terhadap pentadbiran Thailand bermula pada tahun 1942 sehingga 1945. Skop artikel ini merangkumi tempoh masa selama dua tahun pemerintahan Thailand di Kedah bermula pada Ogos 1943 sehingga tamatnya Perang Pasifik yang membabitkan kekalahan Jepun pada tahun 1945. Selepas kekalahan Jepun dalam Perang Pasifik, kerajaan Thailand telah menyerahkan semula tampuk pemerintahan kembali kepada British. Kaedah kualitatif telah digunakan untuk menghasilkan artikel ini dilakukan dengan menganalisis sumber primer dan sumber sekunder seperti surat khabar, peta, dokumen dan lain-lain. Hasil kajian menunjukkan bahawa pentadbiran kerajaan Thailand di Kedah telah menimbulkan pelbagai reaksi dari masyarakat terutamanya orang Melayu. Dapatan kajian juga mendapati Thailand tidak mengotakan janjinya untuk tidak mencampuri urusan agama dan adat resam orang Melayu apabila perdana Menteriya ketika itu, Plaek Phibunsongkhram ingin menerapkan semangat nasionalisme dengan menekankan polisi “Thainess dan Buddhism” dalam kalangan rakyat seluruh negerinya. Perkara ini telah menyukarkan dan menimbulkan reaksi yang kurang senang dalam kalangan orang Melayu yang sememangnya bertentangan dengan agama yang dianuti oleh mereka iaitu agama Islam. Kesimpulannya kajian ini menunjukkan bahawa pemerintah dan rakyat tidak patut terikat dengan mana-mana kuasa luar dalam menjalankan pentadbiran atau pemerintahan jika ingin benar-benar bebas dan merdeka. Sultan juga seharusnya berjuang untuk melindungi nasib rakyat dari membiarkan nasib rakyat itu diperkotak-katikkan oleh penjajah asing.*

*Kata kunci: Orang Melayu; Kedah; pentadbiran Thailand; Jepun; reaksi*

#### ABSTRACT

*This article aims to discuss the administration of the Thai government in Kedah and see the reaction of Malay society to the Thai administration from 1942 to 1945. The scope of this article covers the two years of Thai rule in Kedah beginning in August 1943 until the end of the Pacific War in 1945. After Japan's defeat in the Pacific War, the Thai government handed over the reins of government back to the British. Qualitative methods have been used throughout the study conducted by analyzing primary and secondary sources such as newspapers, maps, government reports and others. The results of the study show that the Thai government administration in Kedah has provoked various reactions from the society, especially the Malays. The findings also show that Thailand did not keep its promise not to interfere in the religious affairs and customs of the Malays when the prime minister, Plaek Phibunsongkhram wanted to instil the spirit of nationalism by emphasizing the policy of “Thainess and Buddhism” among the people throughout the state. This matter has made it difficult and caused an uneasy reaction from the Malays which is indeed contrary to the religion they follow, Islam. In conclusion, this study shows that the government and the people should not be bound by any external power in running the administration or government if they want to be truly free and independent. The Sultan should also fight to protect the fate of the people from letting the fate of the people be boxed in by foreign colonialists.*

*Keywords: Malay people; Kedah; Thailand administration; Jepun; reaction*

#### PENGENALAN

Hubungan antara kerajaan Kedah dan Siam telah berlaku ratusan tahun lamanya melibatkan hubungan yang berteraskan politik, ekonomi, perkahwinan

keluarga diraja dan Kedah sebagai negeri naungan kepada Siam. Justeru sebagai sebuah negeri yang dinaungi, Kedah dikehendaki untuk menghantar bunga emas dan perak kepada kerajaan Siam. Apabila Thailand bersekutu dengan Jepun semasa Perang

Dunia Kedua (1941-1945) yang berlaku di Asia Pasifik, Thailand telah menyerahkan negeri Kedah kepada Jepun untuk ditadbir. Namun ekoran dari sebuah perjanjian yang telah dimeterai, Jepun telah menyerahkan semula Kedah kepada Thailand pada 18 Oktober 1943. Perubahan nama dari Siam kepada Thailand berlaku pada tahun 1939 oleh kerajaan Phibun yang bermaksud 'negara orang bebas'. Perdana menteri Thailand, Plaek Phibunsongkhram mahu menjelmakan Siam tradisional menjadi Thailand yang moden serta meninggikan imej Thailand di arena antarabangsa.

Pentadbiran Thailand di Kedah pada ketika itu telah menimbulkan pelbagai reaksi kepada masyarakat terutamanya orang Melayu. Penduduk di negeri itu menyambut baik akan perubahan yang berlaku kerana pentadbiran Jepun sebelumnya adalah zalim dan kejam. Umumnya mereka sangat berharap agar pemerintah Thailand mampu untuk mengembalikan semula keamanan dan kestabilan yang pernah ada di negeri itu. Hal ini kerana semasa Jepun berkuasa ke atas Kedah, kebanyakan jawatan penting dalam pentadbiran telah di ambil alih oleh Jepun dan orang tempatan yang baik dengan kerajaan Jepun bahkan Jepun juga melantik orang-orang yang tidak berkelayakan untuk memegang jawatan. Keadaan ini negeri Kedah menjadi tidak aman apabila terdapat banyak salah guna kuasa oleh tentera Jepun yang sesuka hati mereka untuk menangkap rakyat serta disiksa tanpa alasan yang kukuh. Terdapat juga orang awam yang membuat fitnah ke atas seseorang dengan mengatakan kepada pemerintah Jepun bahawa orang ini telah menjadi ahli pergerakan anti-Jepun. Situasi ini telah membuatkan rakyat berasa tidak tenteram dan sentiasa dalam keadaan ketakutan kerana semua perkara berlaku tanpa di duga (Mohd Fadzil Hashim 1975).

Keadaan ekonomi yang sangat teruk sehingga rakyat terpaksa berebut untuk mendapatkan bahan makanan dan keperluan asas seperti pakaian. Inflasi telah melanda negeri Kedah apabila harga makanan dan pakaian melambung terlalu tinggi sehinggakan sepasang kain sutera bersamaan dengan dua ekor kerbau (Mohd Fadzil Hashim 1975). Justeru apabila Jepun menyerahkan kembali Kedah kepada kerajaan Thailand, penduduk merasakan hubungan yang terjalin antara Kedah dengan Thailand sebelum ini dapat memberi sedikit keistimewaan dan kesenangan kepada rakyat. Selepas kerajaan Thailand mengambil alih tampuk pemerintahan, pegawai kerajaan yang ada telah diberi kebenaran untuk

menyambung kembali kerja mereka serta jentera pentadbiran kembali di bangunkan seperti sedia kala sewaktu pemerintahan British. Pentadbiran kerajaan Thailand juga telah kembali kepada masyarakat awam dan rakyat di negeri Kedah sudah tidak perlu berasa bimbang untuk keluar rumah tanpa takut ditangkap oleh tentera Jepun.

## LATAR BELAKANG

Sistem pentadbiran di negeri Kedah pada awalnya berasaskan Kesultanan Melaka di mana sultan menduduki tangga teratas pemerintahan negerinya (Mohd Shariff Abu Samah 2015). Sultan dibantu oleh pembesar yang terdiri daripada Pembesar Empat iaitu Seri Paduka Maha Menteri, Seri Paduka Raja Laksamana, Paduka Maharaja Temenggung Anggota Desa dan Seri Maharaja Putra Dewa. Pembesar Empat ini pula dibantu oleh Pembesar Lapan iaitu Seri Paduka Tuan, Maharaja Derma Wangsa, Maharaja Tambangan, Maharaja Kadzi, Seri Paduka Anggraha Dewa, Maharaja Anggara, Paduka Maha Wangsa Perbendaharaan dan Maharaja Lela Segala Hulubalang. Manakala Pembesar Lapan pula di bawahnya pula dibantu oleh Pembesar Enam Belas iaitu Dato' Seri Indra Memang Sanggara Shahbandar, Paduka Purba Wangsa, Paduka Seri Indera, Paduka Indera Senggara, Raja Perdana Indera, Paduka Lela Putra, Seri Andeka Raja, Dato' Seraja Wang, Dato' Berma Raja, Dato' Bentara Wang Seri, Dato' Setia Raja, Dato' Seraja Imam, Dato, Derja Perbendaharaan, Dato' Setia Mahkota dan Dato' Setia Mahkota dan Dato' Memang Mahkota. Kebiasaannya pembesar-yang dilantik adalah dari kalangan kerabat diraja dan juga mereka-yang rapat dengan sultan.

Kedah telah menjalinkan hubungan dengan pelbagai kuasa luar. Antaranya adalah hubungan dengan Burma, British dan juga Siam. Ini termasuk mengadakan hubungan atas dasar persahabatan dengan negeri-negeri di sekitarnya seperti Pulau Pinang dan Perlis. Walau bagaimanapun, sebelum kurun ke-17, Kedah dengan Siam telah menjalinkan hubungan yang baik (Wan Shamsuddin Mohd Yusof 2014). Ini dapat dilihat sewaktu pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa II pada tahun 1710 hingga 1778. Namun pada ketika itu, Kedah sering menerima serangan dan ancaman dari Siam sehingga mengakibatkan konflik antara Burma dan Siam turut mengheret Kedah terlibat dalam masalah tersebut. Oleh itu, Kedah telah menghantar bunga emas dan perak setiap tahun kepada Siam bagi

memelihara hubungan antara kedua buah negara itu. Menurut Wan Shamsuddin Mohd Yusof, bunga emas di Kedah adalah setinggi 1.8 meter serta bentuknya adalah bertingkat-tingkat, berdahan dan beranting pada setiap tingkat. Nilainya adalah lima ribu ringgit bagi membiayai bunga emas dan perak. Cara penghantarannya ke Bangkok juga penuh dengan adat-istiadat tertentu menggunakan gajah (Wan Shamsuddin Mohd Yusof 2014). Maka dengan itu, Kedah dapat memelihara kedaulatannya dari ancaman Burma dan Siam serta pada masa yang sama Siam turut mengakui Kedah sebagai sebuah negeri yang berdaulat.

Selain itu, bunga emas tersebut diberikan kepada Siam kerana Kedah merasakan Kedah berada di bawah naungan Siam. Bagi melindungi keselamatan negeri Kedah agar kekal berdaulat, bunga emas dan perak turut dihantar kepada Bangkok setiap tiga tahun sekali sebagai tanda hubungan persahabatan yang erat dengan sebuah kerajaan yang kuat (Siti Hawa Salleh 1991). Walau bagaimanapun Siam pula beranggapan bahawa bunga emas dan perak itu merupakan ufti tahunan yang dihantar kepada pihaknya sebagai tanda Kedah berada di bawah naungan Siam. Sekiranya Kedah menerima ancaman, pihak Siam perlu menghantar bantuan berbentuk ketenteraan (Kobkua Suwannathat-Pian 1982). Dasar suai faedah yang diamalkan oleh Kedah ini adalah sebuah dasar diplomatik yang diamalkan kerajaan Kedah bagi mengelakkan serangan dari Siam. Walau bagaimanapun, apa yang dikatakan oleh Kedah ini bukanlah satu dakwaan yang kosong. Menurut John Anderson seorang jurubahasa bagi Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI), tiada sebarang bukti yang menunjukkan Kedah dari aspek tulisan dan adat tradisi berada di bawah pemerintahan Thailand. Sebaliknya ia simbolik bagi penghantaran bunga emas dan perak hanyalah sebagai tanda hormat dalam mengekalkan hubungan baik antara kedua-dua negara tersebut (Anderson 1965).

Menerusi Perjanjian Anglo-Siam yang ditandatangani antara pihak Inggeris dan Thailand pada 10 Mac 1909 di Istana Raja Siam (Bangkok) telah meletakkan Kedah di bawah penguasaan British. Menerusi perjanjian ini juga Kedah menerima penasihat British yang pertama iaitu William George Maxwell. Maka berlakunya peralihan kuasa semasa zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid (R. Emerson 1974). Kehadiran Maxwell telah mencetuskan perbalahan dalam kalangan pembesar negeri Kedah. Hal ini kerana

fokus utama Maxwell adalah untuk meluaskan penjajahan manakala golongan pembesar Kedah mahu memelihara autonomi mereka. Seterusnya pada 8 Disember 1841, Jepun telah memberi kata dua kepada Thailand menyebabkan Perdana Menteri Thailand serta ahli kabinet telah bersetuju sebagai jalan menyelamatkan Thailand dari berperang dengan Jepun. Menurut Kobkua, perubahan nama dari Siam kepada Thailand berlaku pada tahun 1939 oleh kerajaan Phibun yang bermaksud 'negara orang bebas'. Phibun mahu menjelmakan Siam tradisional menjadi Thailand yang moden (Kobkua Suwannathat-Pian 2018). *Pertama*, laluan bebas diberikan kepada tentera Jepun bagi digunakan untuk menyerang Burma. *Kedua*, perjanjian pertahanan antara Bangkok dan Jepun perlu dimeterai dan dipersetujui. *Ketiga*, Thailand perlu bersetuju untuk menjadi sekutu dengan Jepun bagi menentang kuasa Amerika Syarikat dan British. Yang *keempat* dan terakhir, Thailand akan diberi perlindungan oleh Jepun sekiranya diancam. Perdana Menteri Thailand bersetuju untuk menjadi rakan subahat kerajaan Jepun kerana mendapat berita akan kekalahan Perancis kepada Jerman (Reynolds 1990).

Pihak Thailand bersetuju dengan kata dua yang diunjurkan oleh Jepun kerana ia memberi keuntungan kepada Thailand (Kobkua Suwannathat-Pian 1996). Menjelang 12 Disember 1941, Jepun telah menawan pekan Changlun dan pada 13 Disember 1941, Bandar Alor Setar telah menyerah kalah. Jepun berniat untuk menjadikan Tanah Melayu sebagai tanah jajahan dan telah menyusun strategi untuk menguasai pentadbiran di Tanah Melayu. Jepun mahu menjadikan sultan di Tanah Melayu serta rakyatnya sebagai rakyat kepada Maharaja Jepun selari dengan konsep Doko-Shori-Yaryo. Berbanding semasa pentadbiran British, Jepun tidak mengiktiraf kedudukan sultan. Jepun mahu mengubah taat setia rakyat di Tanah Melayu kepada Maharaja Jepun. Maka sultan Kedah terpaksa menandatangani perjanjian pada 19 Disember di Kulim iaitu perjanjian yang mengiktiraf ketuanan Jepun di Kedah. Jepun telah memerintah Kedah selama lebih kurang 1 tahun 7 bulan sebelum menyerahkan semula pentadbiran kepada Thailand pada 20 Ogos 1943 (Mohd Isa Othman 2011).

#### KEDAH DI BAWAH THAILAND SECARA RASMI

Penyerahan negeri-negeri utara termasuk Kedah kepada Thailand telah berlaku antara duta Jepun

di Thailand iaitu Teiji Tsubukami dengan Perdana Menteri Thailand iaitu Field Marshal Plaek Phibunsongkhram kerana memenuhi perjanjian yang telah dipersetujui pada Disember 1941 (Mohd Isa Othman 2002). Ekoran dari itu, sebuah perjanjian enam (6) fasal telah dimeterai iaitu; Fasal pertama, Kedah dan pulau-pulanya diakui milik Thailand oleh Jepun. Fasal kedua, wilayah Shan seperti Kentung dan Mongpan dimiliki Thailand. Fasal ketiga, wilayah tersebut akan diserahkan oleh Jepun dalam tempoh 60 hari selepas tarikh perjanjian dimeterai. Fasal keempat, Thailand telah menetapkan sempadan negeri dan wilayah seperti yang tertakluk dalam fasal satu dan dua. Fasal kelima, perkara yang lebih terperinci bagi melaksanakan perjanjian itu akan dimuktamadkan berdasarkan persetujuan dan tolak ansur antara Thailand dan Jepun. Fasal keenam, rombongan untuk menandatangani perjanjian penyerahan tarikh wilayah akan dilakukan (*Pekhabar*, 10 Mac 2018). Justeru secara rasminya Kedah berada dalam kawalan pentadbiran Thailand pada 18 Oktober 1943. Alor Setar telah menjadi pusat pentadbirannya. Namun demikian, bidang ketenteraan masih lagi di bawah Jepun. Oleh itu, Jepun mempunyai hak untuk merekrut tenteranya dari kalangan pemuda Melayu.

Seterusnya pada tanggal 15 September 1943, satu pengisytiharan berkenaan pentadbiran negeri Kedah dikeluarkan oleh kerajaan Thailand, di mana negeri Kedah akan ditadbir oleh tentera Thailand. Namun boleh dikatakan Thailand hanya bertindak sebagai “*caretaker*” kerana tiada sebarang pembaharuan yang dilakukan. Walau bagaimanapun dalam menjaga kebajikan rakyat, Thailand dilihat lebih berjaya. Misalnya barangan keperluan asas seperti beras dan gula dibawa dari Thailand. Ini menyebabkan berlaku migrasi dalaman dari negeri terdekat seperti Pulau Pinang dan Perak ke Kedah dan terus menetap di sana (Mohd Fadzil Hashim 1975).

#### PENTADBIRAN THAILAND DI KEDAH (SYBURI) 1942-1945

Pentadbiran Thailand di Kedah telah berlangsung dalam satu tempoh jangka masa yang pendek iaitu sekitar 25 bulan. Jepun telah menyerahkan kembali empat negeri-negeri utara dan dua negeri Shan kepada kerajaan Thailand (Kobkua Suwannathat-Pian 1996). Kerajaan Thailand telah menukar nama Kedah kepada Syburi. Selain daripada untuk memenuhi perjanjian yang telah dimeterai,

penyerahan itu juga berlaku bagi mengurangkan kawasan pentadbiran supaya Jepun dapat membuat persediaan agar tenteranya boleh digunakan untuk kempen di Burma (Cheah Boon Kheng 1989).

#### SLOGAN “*CARRY ON AS BEFORE*”

Kerajaan Thailand telah menetapkan pentadbiran di negeri-negeri utara Tanah Melayu diterajui oleh tentera Thailand, manakala pentadbir akan menjaga hal ehwal setiap negeri yang akan dibantu oleh ketua pentadbir. Kerajaan Thailand memberi kelonggaran kepada tentera yang dilantik untuk menjalankan cara yang sesuai dengan keadaan penduduk tempatan dan keadaan setempat untuk mengelakkan masalah. Bagi melancarkan pentadbiran, ketua pentadbir akan dibantu oleh penasihat pentadbir dalam menguruskan perkara berkaitan dengan pentadbiran awam, manakala dalam perkara berkaitan dasar-dasar umum, ketua polis yang akan membantu ketua pentadbir (Malai Sinpo 19 October 1943). Mejar Jeneral Kamol Srabhaisiradhikaran Jotikasathien telah dipilih sebagai ketua pentadbir bagi negeri-negeri utara Tanah Melayu. Bagi negeri Kedah Mejar Polis Chong Charaen telah dilantik sebagai penasihat, Kapten Momrajuorgse Chalermnarf Thasenog sebagai Pemerintah Pasukan Polis, Kolonel Polis Chaiarn Limjal dan Ketua Pesuruhjaya Perdagangan adalah Tavil Kuptarak (Malai Sinpo 17 September 1943).

Thailand cuba untuk mengembalikan semula keamanan dan kestabilan di negeri Kedah seperti sebelum Perang Asia Pasifik atau seperti yang dilakukan oleh pihak British, dengan slogannya “*Carry on as before*” (Mohd Fadzil Hashim 1975). Dalam sidang Dewan Rakyat Thailand, kerajaan Thailand telah diberi kuasa untuk memilih rakyat tempatan sebagai pegawai tadbir untuk mengelakkan perselisihan faham ekoran rakyat tempatan yang masih tidak biasa dengan cara pentadbiran Thailand (Abdullah Zakaria Ghazali 1996). Ini bermakna Sultan dikembalikan kuasanya sebagai ketua negeri. Walau bagaimanapun Thailand akan menjadi penasihat kepada sultan. Satu majlis rasmi telah diadakan sebagai simbol penyerahan kuasa oleh Jepun kepada kerajaan Thailand yang telah dihadiri oleh ketua-ketua mereka. Sultan telah dilantik sebagai pengerusi dalam Majlis Mesyuarat Negeri atau lebih dikenali sebagai *Majlis Montri Sapha* (Abdullah Zakaria Ghazali 1996).

*Majlis Montri Sapha* ini mempunyai bidang kuasa dalam aspek pentadbiran dan perundangan sama seperti semasa di bawah naungan British cuma



apa yang berbeza Tuan Khaluang tidak menjadi ahli majlis mesyuarat semasa zaman British. Terdapat seorang penasihat undang-undang di dalam *Montri Sapha* iaitu Encik Ismail Merican. Manakala Tuan Haji Muhammad Shariff telah dilantik sebagai setiausaha kerajaan iaitu jawatan paling tinggi selepas Gabenor (Mohd Fadzil Hashim 1975). Ini membuktikan di bawah pemerintahan dan pentadbiran Thailand, golongan elit dan awam Kedah mendapat tempat dalam pentadbiran. Tambahan pula Thailand hanya mentadbir dalam aspek keselamatan, hubungan luar dan ketenteraan. Kerajaan Thailand juga telah menghantar pegawai-pegawai yang tidak kompeten dalam bidang pentadbiran di Kedah. Namun malangnya pegawai-pegawai yang dihantar hanya mengambil kesempatan bagi kepentingan diri sendiri. Hakikatnya mereka ini tak menjalankan tugas pentadbiran dengan baik (Mohd Fadzil Hashim 1975).

Kerajaan Thailand tidak membuat banyak arahan yang baharu kepada pegawai-pegawainya. Pegawai yang bertugas hanya menjalankan amanah yang telah diberi oleh kerajaan Thailand agar meneruskan cara pentadbiran seperti sebelumnya iaitu mengikut cara kerajaan British. Pentadbiran Thailand menjadi semakin malap di Kedah ekoran tiada perubahan yang berlaku, dikatakan juga pada masa tersebut kadang-kala tidak ada kerja yang hendak dilakukan oleh pegawai-pegawai kerajaan dan tiada satu badan khas yang memantau segala tindakan mereka ini.

#### KECELARUAN PENTADBIRAN

Pentadbiran semula Thailand bukan bermaksud Jepun menyerahkan seratus peratus Kedah kepadanya tetapi Jepun telah melakukan pengawasan terutamanya dalam sektor pengangkutan dan industri. Ini dapat dilihat apabila Alor Setar dan Sungai Petani telah dijadikan markas bagi ketenteraan Jepun atau dikenali sebagai Kempeitai. Ini kerana pihak tentera Jepun turut memandang mengenai soal keselamatan dan tenaga kerja yang masih berautoriti mengenai pelaksanaan yang berkait dengan kedua-dua perkara ini. Malahan negeri Kedah masih lagi berada dalam Lingkungan Kemakmuran Bersama Asia Raya, di mana Jepun seakan menjadi "Pertua" (Abdullah Zakaria Ghazali 1996). Pihak Jepun juga masih lagi berkuasa dalam mengawal kereta api, telefon dan pos di negeri Kedah (Nik Anuar Nik Mahmud 1982). Tunku Abdul Rahman berpendapat bahawa "Thailand hanya menghantar

beberapa pegawainya berbanding pengambilalihan sepenuhnya. Hakikatnya Jepun masih lagi berkuasa..." (Kobkua Suwannathat-Pian 1996). Tugas mereka ini adalah untuk mengawal keamanan negeri, Jepun juga berkuasa untuk menahan pesalah dengan tidak merujuk kepada Thailand dan mereka juga mengawasi pergerakan orang awam di negeri Kedah terutamanya yang datang dari luar. Situasi ini menyebabkan hubungan antara Kempeitai dan askar Thailand dingin tetapi tidak berlaku sebarang perbalahan di antara mereka, hanyalah berlaku perselisihan yang kecil sahaja. Selain itu, Jepun juga mempunyai kuasa luas dalam bidang pertahanan. Namun demikian semasa penyerahan semula Kedah kepada Thailand, daerah Bandar Baru dan Kulim dikecualikan dan pentadbirannya masih di bawah kawalan Jepun. Tetapi pegawai Kedah diberi pilihan untuk bertugas di bawah seliaan Jepun atau Thailand (Mohd Isa Othman 2011).

Bagi melancarkan pentadbiran, kerajaan Thailand telah memperkenalkan peraturan yang menetapkan kuasa dan rakyat negeri Kedah pada 19 Oktober 1943. Peraturan itu menyentuh *Military High Commissioner* menyerahkan kuasa kepada raja negeri, institusi beraja akan dijaga dengan keamanan dan tertib, hak rakyat terhadap harta mereka diakui, undang-undang dan hukuman akan diteruskan dari yang terdahulu dan hanya berubah sekiranya bercanggah dengan peperangan, hal ehwal berkenaan agama dibenarkan dan akan dihormati serta rakyat perlu memberi kerjasama dengan kerajaan Thailand dalam mengekalkan keamanan dan menjalani kehidupan seperti biasa serta tidak melakukan perbuatan yang boleh mencetuskan kekacauan sepanjang peperangan yang berlaku pada masa itu (Abdullah Zakaria Ghazali 1996). Sewaktu pentadbiran Thailand di Kedah, rakyat diarahkan untuk menggunakan *passport* atau surat kebenaran jika hendak meninggalkan negeri. Kerajaan Thailand meneruskan undang-undang yang dilakukan semasa di bawah kuasa Jepun malah *passport* berkenaan masih lagi menggunakan tulisan Jepun. Antara maklumat yang ada di dalam *passport* atau surat kebenaran tersebut ialah nama, umur, tempat tinggal, jenis pekerjaan, tujuan pekerjaan, tempat berlepas, destinasi perjalanan, laluan yang akan ditempuh, tempoh kepergian serta tarikh (Abdullah Zakaria Ghazali 1996).

Kecelaruan dalam pentadbiran ini mungkin disebabkan kerajaan Thailand merasa tidak yakin akan kekuatan Jepun untuk menang di dalam Perang Pasifik. Selain dari itu, Jepun hakikatnya tidaklah

menyerahkan sepenuhnya kuasa kepada kerajaan Thailand kerana Jepun mempunyai agendanya yang tersendiri iaitu ingin memasukkan Tanah Melayu sebahagian daripada empayarnya di Asia Tenggara yang bertepatan dengan konsepnya Lingkungan Kesemakmuran Asia Timur Raya (A. Ghapa Harun 1996). Jepun bercita-cita untuk membentuk satu zon autonomi tunggal di Asia agar Asia Timur mampu menjadi setanding dengan Britain dan Amerika Syarikat tetapi desakan dari Thailand serta hubungan antara Jepun dan Thailand yang sudah sedikit terjejas menyebabkan Jepun mengotakan janjinya untuk membuat penyerahan tersebut.

#### PENTADBIRAN MASIH MENGIKUT MODEL BRITISH

Pentadbiran tentera Thailand secara rasmi telah berakhir pada 16 Ogos 1945 dan kerajaan ini adalah merupakan kerajaan sementara sahaja bagi keempat-empat buah negeri Melayu utara termasuk Kedah. Semenjak penyerahan Kedah kepada kerajaan Thailand, masa depan Kedah sebenarnya tidak bergantung kepada pihak Thailand mahupun Jepun walaupun dalam Perang Asia Pasifik tersebut Jepun menemui kemenangan atau kekalahan, ini tidak menjadi penentu nasib negeri Kedah. Atas keraguan kerajaan Thailand kepada kemenangan mahupun kekalahan Jepun maka menyebabkan Thailand memilih untuk mengekalkan model pentadbiran mengikut cara British sebagai pentadbiran sementara Thailand bagi wilayah-wilayah baru di selatan. Walau bagaimanapun Kedah telah dijadikan sebagai tanah jajahan sahaja. Oleh hal yang demikian, Thailand tidak merancang sebarang bentuk kemajuan di Kedah. Kekalahan Jepun dalam Perang Dunia kedua secara automatiknya telah menamatkan pentadbiran Thailand di Kedah. Thailand terus menyerahkan semula negeri Kedah kepada British setelah Jepun mengundurkan diri daripada Bangkok pada 16 Ogos 1945 ekoran daripada kealahannya dalam Perang Asia Pasifik. Seterusnya British telah memulakan pentadbiran bercorak ketenteraan iaitu *British Military Administration* (B.M.A.) yang merupakan pentadbiran interim di bawah pimpinan Lord Mountbatten (Mohd. Shariff b. Abu Samah 2015).

Namun walaupun pentadbiran tentera kerajaan Thailand di Kedah cuma sekejap, ia memberi pengalaman dan kesedaran kepada golongan elit tempatan untuk menjalankan pentadbiran. Golongan elit ini mula timbul kesedaran bahawa mereka tidak hanya boleh duduk di peringkat pusat pemegang

kuasa untuk memainkan peranan sebagai pemimpin rakyat sebaliknya mereka harus bekerjasama dengan rakyat untuk memikirkan sudah tiba masanya bagi mereka mentadbir sendiri negeri sebagai sebuah kerajaan yang berdaulat yang tidak bergantung dengan mana-mana kuasa besar dunia. Rakyat yang mempunyai kesedaran nasionalisme juga sedar bahawa sultan perlu di ajak berbincang agar nasib rakyat dapat dibela.

#### REAKSI ORANG MELAYU DI KEDAH

Kedua-dua negara, Jepun dan Thailand sangat peka terhadap tindak balas yang wujud daripada masyarakat Melayu ekoran penyerahan kembali empat buah negeri-negeri utara termasuklah negeri Kedah kepada kerajaan Thailand. Oleh itu, bagi mengurangkan reaksi yang tidak diinginkan, maka pihak autoriti kedua kerajaan telah mengadakan perbincangan dan rundingan untuk mencari jalan penyelesaian bagi menjamin hak-hak asasi masyarakat Melayu terhadap agama dan bangsa. Contohnya, Thailand telah memberi jaminan kepada Jepun tentang status agama Islam dan adat istiadat resam yang telah diamalkan oleh masyarakat Melayu Kedah serta kedudukan pentadbiran Kedah. Kerajaan Thailand melayan rakyat di negeri Kedah dengan sama rata namun bagi mereka yang berketurunan Siam lebih beruntung kerana mereka mendapat layanan istimewa daripada pegawai-pegawai Thailand.

#### STATUS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT RESAM

Perkara berkaitan dengan agama Islam pada awalnya berjalan seperti biasa dan diserahkan kepada orang Melayu tanpa ada campur tangan dari kerajaan Thailand. Malahan sultan masih lagi berperanan sebagai ketua agama Islam. Sama halnya dengan perkara yang melibatkan adat istiadat serta kedudukan orang Melayu seperti Rizab Tanah orang Melayu yang tidak diganggu oleh kerajaan Thailand (Mohd Fadzil Hashim 1975).

Plaek Phibunsongkhram, iaitu Perdana Menteri Thailand pada ketika itu telah memberikan arahan kepada Pesuruh Jaya Ketenteraan Thailand di Kedah tentang kedudukan dan hak rakyat Melayu Kedah di bawah pentadbiran mereka. Tambahan pula, penduduk negeri Kedah di bawah pucuk kepimpinan Thailand juga turut mempunyai kewarganegaraan Thailand sama seperti rakyat asal Thailand. Satu

pengumuman penting telah dibuat oleh pihak berkuasa Thailand bagi mengesahkan hak istimewa agama Islam serta jaminan keselamatan rakyat termasuk harta daripada rampasan atau campur tangan pentadbiran tentera Thailand yang tidak mengikut undang-undang (Kobkua Suwannathat-Pian 1996). Rakyat dan pegawai kerajaan diberi kebenaran untuk menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi namun galakan diberikan kepada pegawai kerajaan untuk mempelajari bahasa Thailand dan menggunakannya sebagai satu lagi bahasa rasmi kerajaan negeri (Kobkua Suwannathat-Pian 1996). Di sini menunjukkan kerajaan Thailand itu tidak memaksa atau mendesak rakyat kerana seperti sedia maklum bahawa bahasa Thailand dengan bahasa rakyat sangat berbeza dan sukar untuk diubah dalam masa yang singkat.

#### MASYARAKAT MELAYU BERASA SANGAT BERSYUKUR

Pengambilalihan semula Kedah dari Jepun oleh kerajaan Thailand telah menimbulkan pelbagai reaksi dalam masyarakat Kedah khususnya orang Melayu. Walaupun tiada sebarang kemajuan yang dilakukan oleh pentadbiran Thailand namun masyarakat Melayu merasa sangat bersyukur dengan pengambilalihan semula ini kerana mereka telah menjalani satu kehidupan yang sengsara sewaktu Jepun memerintah. Misalnya sewaktu pemerintahan Jepun, mereka terpaksa mencatu makanan harian seperti beras dan gula. Di awalnya rakyat tempatan di negeri Kedah tidak merasa kesusahan sebagaimana rakyat di negeri-negeri Melayu yang lain kerana penduduk tempatan mengusahakan sendiri tanaman padi. Namun semasa pendudukan Jepun, apabila catuan makanan dilaksanakan, pengeluaran beras menjadi masalah utama kepada bekalan makanan kerana Jepun memperkenalkan kad catuan beras untuk setiap pembelian beras. Selain daripada beras, minyak tanah, gula dan garam turut dicatu serta tidak dibenarkan dibawa keluar negeri tetapi pihak kerajaan Thailand telah membawa masuk keperluan asas dan barang makanan dari Thailand (Mohd Isa Othman 2011).

Perkara ini menjadikan rakyat dari negeri-negeri lain khususnya Perak dan Pulau Pinang serta selatan tanah air membina penempatan di Kedah kerana bahan makanan mudah untuk didapati. Berbanding dengan negeri lain yang menghadapi masalah kekurangan makanan yang kronik sehingga memaksa rakyat untuk menjadikan ubi kayu sebagai makanan gantian kepada beras. Di samping bahan

makanan dan pakaian yang diimport dari Thailand, negeri Kedah juga adalah pengeluar beras utama di Tanah Melayu. Jika berlakunya masalah kekurangan bekalan bahan makanan, pegawai kerajaan Thailand akan memohon bantuan terus dari Bangkok agar diberi bantuan. Ini jelas berbeza berbanding dengan negeri Tanah Melayu lain di waktu tempoh peperangan ini. Namun demikian, dari aspek barangan perubatan, Thailand sendiri mengalami masalah kesukaran mendapatkan bekalan ubat-ubatan (Kobkua Suwannathat-Pian 1996).

#### BEBAS DARI KEZALIMAN JEPUN

Seterusnya kedatangan Thailand ke Kedah telah memberikan harapan kepada masyarakat Melayu terutamanya kerana mereka seakan bebas dari kezaliman Jepun dan mengurangkan rasa takut terhadap pemerintahan tentera Jepun. Jika selama ini mereka hidup dalam keadaan yang penuh ketidakpastian mengenai masa depan mereka lantaran kemungkinan untuk ditangkap dan diseksa walaupun tidak melakukan sebarang kesalahan kerana Jepun bertindak mengikut sesuka hatinya. Mereka merasakan bahawa sudah terlepas daripada satu bala yang selama ini menekan dan menindas masyarakat.

Maka itu, apabila pemerintahan Thailand kembali menguasai pentadbiran awam, masyarakat Kedah berasa lega. Masyarakat Kedah juga merasa senang dan turut menyambut baik perubahan kuasa ini kerana pucuk kepimpinan bersifat tentera oleh Jepun telah beralih kembali kepada pentadbiran awam. Tambahan pula, rakyat mendapat kebebasan untuk bergerak tanpa disekat mahupun diancam oleh pihak tentera. Semasa pentadbiran Thailand, penguatkuasaan undang-undang tidak begitu tegas, kebanyakan kesalahan-kesalahan kecil yang dilakukan oleh rakyat dimaafkan. Kerajaan Thailand memahami faktor kehidupan rakyat yang susah dan tidak mendesak rakyat untuk membayar cukai seperti cukai pintu. Rakyat yang mempunyai upaya untuk membayarnya boleh berbuat demikian sebaliknya bagi mereka yang tidak mampu akan dimaafkan (Mohd Fadzil Hashim 1975).

#### KERAJAAN THAILAND TIDAK MENGOTAKAN JANJINYA

Namun langit itu tidak selalunya cerah, walaupun rakyat Kedah berasa lega terlepas dari cengkaman kejam pentadbiran Jepun, namun terdapat juga beberapa perubahan yang dilakukan oleh kerajaan

Thailand yang menimbulkan rasa kurang senang kepada penduduk. Perkara ini berlaku kerana kerajaan Thailand tidak mengotakan janjinya untuk tidak mencampuri urusan orang Melayu berkaitan dengan agama dan budaya. Bahkan kerajaan Thailand juga telah mencampuri urusan agama. Semasa Kedah masih menjadi sebuah negeri di bawah naungan Siam sebelum terjadinya Perjanjian Bangkok pada 1909, Siam tidak pernah mencampuri urusan yang berkaitan dengan agama dan budaya. Sebaliknya perubahan ini adalah disebabkan konsep sosiopolitik “Membina Negara” yang diperkenalkan oleh Plaek Phibunsongkhram pada 1938 serta mencapai kemuncaknya pada 1941 hingga 1944. Phibun berhasrat ingin menukarkan Siam tradisi kepada sebuah negara moden Thailand. Oleh itu beliau telah melancarkan kempen untuk mewujudkan kebudayaan Siam secara menyeluruh yang merangkumi aspek fizikal iaitu cara berpakaian serta aspek mental, perasaan cinta kepada tanah air dan punya rasa bangga kepada negara Thailand serta mengamalkan nilai-nilai sosiobudaya yang mencerminkan Thailand sebagai sebuah negara umum. Semangat nasionalisme dan pembinaan kebudayaan adalah aspek utama yang ditekankan oleh kerajaan pimpinan Phibun dalam kempenya (Kobkua Suwannathat-Pian 2018).

Terdapat masalah besar yang muncul sehingga menimbulkan salah faham di antara pihak Thailand dan Jepun. *Pertama*, isu dalam menentukan kata putus terhadap masalah kewangan antara pihak Thailand dan Jepun. *Kedua*, Thailand mencampuri urusan undang-undang yang melibatkan orang Melayu antaranya sekatan dari berpogami dan denda tidak melebihi 5-baht sekiranya orang Melayu gagal dalam menulis dan membaca bahasa Thailand bagi mereka yang berusia 20-25 tahun (Mohd Isa Othman 2011). Kerajaan Thailand juga menanamkan semangat nasionalisme kepada seluruh rakyat di semua negeri-negerinya. Mereka lebih memberi penekanan terhadap konsep bangsa dan negara dengan memperkenalkan perintah Faham Kebangsaan (Ratthaniyom) yang mengandungi 12 perkara dalam usaha menjadikan “rakyat Thai menjadi benar-benar Thai” (Kobkua Suwannathat-Pian 2018).

#### POLISI THAINESS DAN BUDDHISME

Perkara ini menjadikan rakyat di Kedah tidak senang duduk dan marah kerana mengikut perjanjian perkara tersebut tidak sepatutnya berlaku. Malahan

isu yang kedua ini telah mewujudkan satu perasaan anti-Thai di dalam diri orang Melayu Kedah. Hal ini kerana kerajaan Thailand dahulunya tidak mencampuri soal yang berkaitan dengan agama serta budaya negeri di bawah naungannya ternyata telah berubah. Perubahan ini sememangnya berkait rapat dengan hasrat perdana menteri Plaek Phibunsongkhram yang mengimpikan semua rakyat Thailand untuk menjadi “benar-benar Thai” (Kobkua Suwannathat-Pian 2018). Disebabkan perkara inilah, terdapatnya perubahan ke atas Bahasa Melayu, agama serta adat istiadat, Phibun mahu mewujudkan perasaan nasionalisme dalam jiwa rakyatnya di mana *Thainess* dan Buddhisme sebagai asas untuk menyatupadukan rakyatnya yang berbilang kaum. Tambahan pula, kerajaan Thailand turut mengarahkan agar ciri-ciri kebudayaan Thailand diserap serta orang Melayu dipaksa untuk mengamalkannya seperti cara berpakaian. Rakyat di Kedah diarahkan untuk mengubah suai cara berpakaian agar menampakkan lebih mirip kepada orang Thailand. Perkara ini semestinya menimbulkan rasa tidak puas hati dan kemarahan orang Melayu kerana orang Melayu itu berpakaian selari dengan tuntutan agama Islam, menutup aurat, sopan serta sesuai dengan adat resam yang ternyata jauh berlainan dengan kebudayaan Thailand.

Bagi mencapai matlamat yang diinginkan oleh Perdana Menteri Thailand ketika itu, golongan elit atau kelas atasan digalakkan untuk menghantar anak-anak mereka belajar di Thailand. Anak-anak dari golongan raja pula diberi biasiswa oleh kerajaan Thailand sekiranya mereka belajar hingga ke Thailand. Iklan di papan kenyataan dan bangunan kerajaan ditukarkan ke dalam Bahasa Thailand. Selain itu, masyarakat tempatan diperkenalkan dengan lagu-lagu patriotik dari Thailand seperti Lagu Nasional, Lagu Hari Kebangsaan negara Thailand, Lagu Bendera Thailand dan lagu yang memuji daulat Maharaja Thailand. Dalam usaha membentuk “Thainess” ke dalam masyarakat setempat, murid-murid sekolah dipaksa untuk belajar dan menyanyikan lagu Kebangsaan Thailand serta bendera kerajaan Thailand akan dinaikkan setiap pagi. Masyarakat awam, pegawai kerajaan serta murid-murid juga digalakkan untuk menukar kata ‘salam’ atau ‘selamat pagi’ kepada perkataan “sawadi” yang mempunyai maksud sebagai salam dalam bahasa Thailand. Cuti-cuti hari kelepasan Thailand juga ditambah ke dalam cuti-cuti am di negeri Kedah seperti Cuti Hari Kebangsaan pada 24 Jun, Hari Chakri pada 6 April dan Cuti Tahun Baru



pada 1 Januari setiap tahun (Kobkua Suwannathat-Pian 1996).

#### KEADAAN EKONOMI TIDAK STABIL

Keadaan ekonomi di Kedah semakin tegang di bawah pemerintahan Thailand, banyak kegiatan penyeludupan yang berlaku kerana galakan dari pihak berkuasa yang bersimpati dengan nasib yang dialami oleh rakyat. Contohnya terdapat pegawai polis dari Kulim yang membenarkan aktiviti penyeludupan beras dari negeri-negeri di utara ke negeri-negeri di selatan, namun akhirnya beliau telah dikenakan tindakan dengan dipindahkan ke Balai Polis Alor Setar. Ketua-ketua kampung juga diminta untuk menggiatkan sektor pertanian bagi memenuhi keperluan dari rakyat tempatan (Mohd Isa Othman 2011). Namun usaha ini telah menemui jalan buntu ekoran desakan dari pihak Jepun yang hanya mementingkan keperluan mereka, pihak Jepun telah memaksa rakyat untuk bercucuk tanam agar bekalan makanan mereka tidak terputus. Ini jelas kelihatan apabila pihak Jepun telah mendapat bekalan beras yang mencukupi tetapi mereka tidak menghiraukan keadaan rakyat yang semakin meruncing. Keadaan ini bertambah buruk kerana terdapat beberapa syarikat dari Jepun yang tidak menghormati pihak berkuasa Thailand dan memandang enteng kepada mereka sehinggakan Jepun telah melakukan perkara sesuka hati sehingga wujud salah faham antara Jepun dan Thailand.

Hal ini mungkin kerana Jepun merasakan diri mereka lebih hebat dan berkuasa berbanding Thailand. Kesan daripada masalah ini, harga beras melonjak berkali ganda bukan sahaja di pasaran bahkan di peringkat pasaran gelap juga. Keadaan ekonomi yang meruncing ini telah memaksa kakitangan kerajaan khususnya yang berpangkat rendah untuk berhenti kerja dan melakukan kerja dalam bidang pertanian seperti bercucuk tanam atau meniaga. Kerja tambahan lain dilakukan bagi menampung kehidupan pada masa itu kerana gaji yang mereka peroleh terlalu kecil dan tidak mencukupi bagi menjalani kehidupan. Bahkan terdapat juga pegawai yang terpaksa diberhentikan oleh kerajaan untuk mengurangkan kos pembayaran dalam usaha berjimat-cermat. Masalah lain juga turut timbul seperti masalah kesukaran mendapatkan pakaian. Hal ini turut memberi kesan kepada sektor ekonomi lantaran rakyat tidak dapat pergi bekerja kerana tiada pakaian untuk dipakai. Kehidupan rakyat bertambah buruk kerana kejadian rompak

bersenjata yang kerap berlaku menyebabkan rakyat berasa tidak aman untuk keluar bekerja dan sentiasa berada dalam keadaan bimbang (Mohd Isa Othman 2011).

Jelas di sini, walaupun Jepun telah menyerahkan kembali pentadbiran negeri Kedah kepada Thailand namun dalam bidang ekonomi Jepun masih lagi berkuasa dan Thailand terpaksa menurut sahaja kehendak Jepun yang merupakan kuasa besar ketika itu. Ini dapat dilihat apabila Jepun telah memberi keistimewaan kepada syarikat-syarikat serta orang perseorangan dari Jepun di dalam sektor pembalakan walhal ketika itu Thailand sudah mengambil alih takuk pentadbiran (Mohd Isa Othman 2011). Di samping itu, Jepun juga masih bertindak sesuka hati mereka untuk memaksa rakyat menjadi buruh percuma tanpa dibayar gaji.

#### PEMBENTUKAN SYARIKAT BEKERJASAMA AM SAIBURI (SABERKAS)

Walaupun dalam masa pentadbiran yang sekejap namun pentadbiran Thailand telah memberikan satu pengalaman yang sangat berharga kepada rakyat tempatan terutamanya orang Melayu. Penyerahan semula negeri-negeri utara Tanah Melayu kepada Thailand telah menyebabkan berlakunya pergolakan dalam masyarakat bukan sahaja di negeri Kedah malah di seluruh Tanah Melayu apabila orang Melayu kehilangan majoriti sebagai masyarakat terbesar di Tanah Melayu. Perkara ini merisaukan orang-orang Melayu ketika itu dan merupakan impak negatif terhadap sosiopolitik orang Melayu. Namun secara tidak langsung kerisauan orang Melayu ini telah menyemarakkan kesedaran orang Melayu terutamanya golongan kelas atasan untuk mentadbir negeri mengikut acuan sendiri berbanding menjadi pemimpin di bawah telunjuk mana-mana penjajah. Dari sini satu badan iaitu Syarikat Bekerjasama Am Saiburi (SABERKAS), telah ditubuhkan pada awal tahun 1944.

SABERKAS pada asalnya adalah merupakan organisasi politik yang berlindung di sebalik syarikat kegiatan ekonomi dan sosial yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman dengan slogan "Sayang Akan Bangsa Ertinya Redha Korban Apa Segala" (SABERKAS). Antara tokoh lain yang berjuang di dalam SABERKAS ialah Tunku Daud, Senu Abdul Rahman yang berperanan sebagai setiausaha, Mohd. Khir Johari dan ramai lagi. Ahli-ahli di dalam SABERKAS terdiri daripada mereka yang bekerja sebagai pegawai kerajaan, orang-orang

yang berpendidikan dari Barat serta para pemuda yang menyertai Giyu Gun (Ahmat Adam 2014). SABERKAS diwujudkan di atas tiga landasan iaitu sebagai sebuah syarikat kerjasama, badan kebajikan

dan juga politik yang kemudiannya telah berperanan sebagai sebuah badan politik (Wan Shamsuddin Mohd Yusof 2014).



GAMBAR 1. Syarikat Bekerjasama Am Saiburi (SABERKAS)  
Sumber: Lembaga Muzium Kedah

#### PENGGUNAAN BAHASA THAILAND

Penggunaan bahasa Thailand dalam kalangan rakyat sebenarnya telah lama diusulkan oleh pemimpin tempatan seperti Tunku Abdul Rahman. Semasa Tunku Abdul Rahman menjadi Pesuruhjaya Pelajaran sewaktu pentadbiran kerajaan Thailand, pernah membuat usul untuk membentuk sekolah tinggi Melayu yang menggunakan bahasa Melayu dan Thailand sebagai bahasa pengantar menggantikan penggunaan bahasa Jepun namun telah mendapat tentangan dari pihak Jepun yang tidak dapat menerima hakikat tersebut (Mohd Isa Othman 2011). Pada mulanya, kerajaan Thailand hanya memberi galakan kepada rakyat untuk bertutur dan menggunakan bahasa Thailand namun kemudian ianya telah menjadi satu bentuk paksaan.

Selari dengan cita-cita perdana menteri Thailand, Plaek Phibunsongkhram untuk “membentuk rakyat Thai yang benar-benar Thai,” segala urusan rasmi yang melibatkan surat menyurat perlu menggunakan bahasa Thailand. Sudah tentu keadaan ini sangat menyukarkan buat rakyat tempatan yang sudah biasa menggunakan bahasa jawi dan tulisan Rumi dalam kehidupan seharian mereka. Cukai yang tinggi juga akan dikenakan untuk iklan yang tidak menggunakan bahasa Thailand. Ternyata perkara ini telah membawa kesan buruk ke atas orang Melayu sama seperti yang dilaporkan oleh pengintip dari Amerika Syarikat pada tahun 1944: “Penyerahan empat buah Negeri Melayu Utara kepada *Buddhist Thailand* telah melanggar dan menggores perasaan masyarakat Islam serta memberi kesan kepada orang Melayu di seluruh Semenanjung (Mohd Isa Othman

2011).” Malahan rakyat yang berusia sekitar umur 20 hingga 45 tahun akan dikenakan denda yang berupa tidak lebih dari 5-baht jika mereka gagal untuk membaca dan menulis menggunakan bahasa Thailand (Mohd Isa Othman 2011). Hal ini telah menjadi serius sehingga terbitnya perasaan anti-Thai dalam kalangan diri rakyat serta meningkatkan perasaan syak wasangka terhadap pentadbiran Thailand.

#### KESIMPULAN

Jepun telah mengotakan janjinya dan menyerahkan semula negeri-negeri utara Tanah Melayu termasuklah Kedah kepada Thailand untuk diambil alih pentadbirannya walaupun pada asalnya Jepun tidaklah mahu berbuat demikian. Jepun berbuat demikian kerana menganggap British telah mengambil negeri-negeri itu dari Thailand secara tidak adil pada 1909. Di bawah pentadbiran ketenteraan Thailand, rakyat berasa lega dan bersyukur malahan masyarakat setempat menyambut berita itu dengan rasa senang hati. Hal ini kerana kononnya mereka sudah terlepas dari sikap kejam dan kuku besi yang diamalkan oleh tentera Jepun terhadap mereka. Kerajaan Thailand tidak merancang untuk melakukan apa-apa perubahan di negeri Kedah sebaliknya hanya meneruskan sistem pemerintahan yang telah dijalankan oleh pihak British suatu ketika dahulu. Di bawah pentadbiran Thailand, nasib rakyat di Kedah boleh dikatakan lebih baik daripada rakyat di negeri-negeri yang masih berada di bawah pemerintahan Jepun. Bahkan kedudukan sultan atau

raja dikembalikan dan golongan elit tempatan mula menyandang beberapa jawatan yang penting di dalam pentadbiran. Perkara ini memberi impak yang besar kerana apabila tamatnya peperangan, mereka ini merasakan perlunya untuk berjuang menentang British dan kepentingan untuk berkerajaan sendiri tanpa perlu tunduk kepada mana-mana kuasa.

Walaupun kerajaan Thailand hanya memerintah dalam tempoh yang sekejap dan tidak banyak membuat perubahan terhadap negeri Kedah, namun pemerintahan yang sekejap ini turut memberi banyak kesan dan menimbulkan pelbagai reaksi kepada rakyat di Kedah terutamanya orang Melayu. Kedudukan negeri Kedah dan negeri-negeri utara tanah air di Semenanjung Tanah Melayu adalah sangat penting. Sejarah telah menunjukkan dengan kehilangan empat negeri tersebut yang diserahkan kepada kerajaan Thailand telah menyebabkan berubahnya kedudukan orang Melayu sebagai sebuah bangsa majoriti di Tanah Melayu. Ia adalah pelajaran yang amat penting buat pemimpin dan rakyat tempatan kerana jika Jepun memenangi Perang Pasifik tersebut, apakah nasib orang Melayu di Tanah Melayu yang sudah menjadi minoriti berbanding dengan bangsa-bangsa lain. Adakah orang Melayu masih lagi menjadi tuan tanah di tanah asal mereka ini. Oleh itu apa yang telah berlaku ini sememangnya menjadi satu pelajaran yang amat berharga dan bernilai. Golongan elit serta orang awam yang mempunyai kesedaran terhadap berkerajaan sendiri sedar bahawa mereka tidak lagi boleh bergantung kepada mana-mana pihak luar untuk menjadi pemimpin kepada rakyatnya. Malahan mereka juga sedar akan kepentingan sultan untuk memperjuangkan nasib rakyat. Bahkan sultan juga perlu dipujuk bagi mempertahankan tanah air dan tidak hanya tunduk di bawah mana-mana kuasa besar.

Nur Azrin Mohammed Mohayaddin  
Jabatan Sejarah  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
39500 Tanjong Malim, Perak  
E-mel: nurazrinmohayaddin@gmail.com

Adnan Jusoh, Ph.D  
Jabatan Sejarah  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
39500 Tanjong Malim, Perak  
E-mel: adnan.jusoh@fsk.upsi.edu.my

Diserahkan: 19 Januari 2022  
Diterima: 23 April 2022

## RUJUKAN

- A. Ghapa Harun & Rupawan Ahmad. 1996. Imperialisme Jepun dan konsep lingkungan kesemakmuran asia timur raya. *Jebat* 24:3-20.
- Abdullah Zakaria Ghazali. 1996. Negeri Melayu dan Thailand. 1781-1945: Hubungan dan Pentadbiran. *Malaysia dari segi sejarah*. Persatuan Sejarah Malaysia.
- Abdullah Zakaria. 1996. Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu, 1942-1945: Pentadbiran Jepun dan Thai. *Jebat* 24: 57-84.
- Ahmat Adam. 2014. *Melayu. Nasionalisme Radikal dan Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Bruce. E. Reynolds. 1990. Aftermath of alliance: The wartime legacy in Thai-Japanese relations. *JSEAH*. XXI(I):85 Mac.
- Cheah Boon Kheng 1979. The Japanese occupation of Malaya, 1941-45: Ibrahim Yaacob and the struggle for Indonesia Raya. *Indonesia* 28: 85-120.
- Emerson, R. 1974. *Malaysia (terjemahan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anderson, J. 1965. Political and commercial considerations relation to the Malayan Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca. *Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 45.
- Kobkua Suwannathat-Pian. 2018. *Sejarah Thai Zaman Bangkok 1767-1957 (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kobkua Suwannathat-Pian. 1996. Hubungan Thai-Jepun semasa perang dunia kedua dan kesan-kesannya kepada negeri-negeri Melayu utara. *Jebat* 24: 41-56.
- Kohkua Suwannathat-Pian. 1982. Kedah-Siamese Correspondence: 1890-1899. *IMHRAS*. Vol. 55.
- Mohd Fadzil Hashim. 1975. Sejarah lisan administrasi Thai di Kedah. *Chenderamata Minggu Sejarah Kedah 1975*. Kedah: PSMCK.
- Mohd Isa Othman. 2011. Golongan elit dan pentadbiran Kedah semasa pendudukan Jepun dan Siam 1942-1945. *Kedah dari sejarah. Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK)*. XIII (1) Disember.
- Mohd Isa Othman. 2002. *Sejarah Malaysia (1800-1963)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Shariff Abu Samah. 2015. *Modernisasi pentadbiran negeri Kedah 1895-1957*. Kedah: UUM Press.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 1982. *Kelantan di Bawah Pentadbiran Tentera Jepun dan Pentadbiran Thai. 1941-1945: Satu Kajian Sepintas Lalu*. Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan Negara, Persatuan Sejarah Malaysia.
- Perjanjian Bangkok. *Pekhabar*. 10 Mac 2018. <https://pekhabar.com/h-i-d-s-perjanjian-britain-siam-1909/>
- Siti Hawa Salleh. 1991. *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Shamsuddin Mohd Yusof. 2014. *Kedah dalam warisan sejarah dan budaya*. Kedah: PSMCK.
- Malai Sinpo 17 September 1943. *Malai Sinpo*. 17 September 1943.
- Malai Sinpo 19 October 1943. *Malai Sinpo*. 19 Oktober 1943.